Berbekalkan pengajaran 'disergah' dua kejadian banjir besar di Pahang dan Kelantan sejak tiga tahun lalu, semua penduduk di tiga buah negeri berkenaan perlu sentiasa berjaga-jaga walaupun tempat mereka bukan dikategorikan sebagai kawasan merah.

Paling penting ialah setiap mangsa banjir yang mengalami masalah kesihatan wajar segera menghubungi pihak klinik atau hospital sekiranya memerlukan ubat-ubatan khusus sejurus selepas dipindahkan atau terperangkap di kawasan bah pada tengkujuh ini.

Lebih dituntut pula ialah setiap petugas keselamatan dan sukarelawan wajar segera menghulurkan bantuan kepada setiap mangsa banjir meskipun mereka itu berada di kawasan-kawasan yang tidak pernah dijangka dinaiki air bah.

Sekiranya terjadi lagi banjir besar di Kuantan pada tahun ini, kita juga akan berpeluang menyaksikan kesan 'kemarahan' alam terhadap ketamakan manusia yang melakukan kerusakan dengan tangan-tangan mereka di sekitar kawasan perlombongan bauksit di Bukit Goh.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 DISEMBER 2016 (RABU)



Jabatan Standard Malaysia Semak Semula Standard Untuk MyGAP

SERDANG, 3 Dis (Bernama) -- **Jabatan Standard Malaysia** menyemak semula MS1784 - Amalan Pertanian Baik (GAP) bagi Standard Komoditi Tanaman untuk memberi manfaat kepada peserta industri pertanian, persatuan, pengawal selia dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Dalam satu kenyataan hari ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berkata semakan semula itu bagi pelaksanaan dan pengeluaran pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP).

Penerbitan pertama standard itu ialah pada 2005 dan semakan pertama dilaksanakan tahun lepas, katanya.

"Semakan standard ini akan memastikan pengguna mendapat pilihan lebih luas terhadap produk pertanian selamat dan berkualiti," katanya.

Sehingga kini, lebih 6,000 standard Malaysia meliputi 25 sektor ekonomi dan empat standard bagi sektor pertanian, sektor akuakultur, penanaman rumpai laut dan penternakan telah digunakan MOA bagi skim pensijilan MyGAP mereka, katanya.

"Setakat 2015, terdapat 4,024 ladang diperakui di bawah MyGAP dan penggunaan standard dalam MyGAP telah mempercepatkan produk mendapat pengiktirafan serta penerimaan yang lebih baik di pasaran tempatan dan antarabangsa," katanya.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, melancarkan standard yang disemak semula itu hari ini yang diadakan sempena Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2016 di sini.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9

TARIKH: 7 DISEMBER 2016 (RABU)

Piawaian khas lindungi madu kelulut

KUALA LUMPUR 6 Dis. - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) kini sedang merangka piawaian khusus bagi memastikan madu kelulut mencapai tahap standard pengkomersialan yang ditetapkan oleh badan antarabangsa.

Timbalan Pengarah MARDI, Dr. Ahmad Safuan Bujang, langsung itu penting bagi mengesas produk tiruan di pasaran sekali gus meningkatkan penghasilannya sehingga 240 kilogram dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Meskipun terdapat Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985, maklumat mengenai khasiat madu kelulut sangat kurang kerana akta tersebut lebih menjurus kepada madu lebah biasa.

"Justeru, hasil kajian yang dijalankan akan digunakan untuk menetapkan piawaian madu kelulut negara sekali gus boleh mengatasi kepincangan yang terdapat dalam industri ketika ini," katanya.

Tambahnya lagi, piawaian yang akan dikeluarkan dalam masa terdekat itu turut mendapat bantuan keparakan dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Institut Genome Malaysia, Jabatan Standard Malaysia, SIRIM Bhd. (SIRIM), Jabatan Pertanian Malaysia dan Kementerian Kesihatan.

Menerusnya standard berkenaan, kandungan madu kelulut seperti jumlah air akan ditetapkan pada kadar tertentu bagi

menghasilkan produk yang bermutu tinggi.

Timbalan Pengarah Program Perekraan Makanan, Pusat Penyelidikan Sains Teknologi Makanan MARDI, Dr. Suri Roowi berkata, madu kelulut kini mendapat permintaan yang sangat tinggi.

"Ini kerana madu yang dihasilkan serangga tidak bersengat itu dikenal pasti mempunyai nilai kesihatan yang tinggi.

"Selain kaya dengan nutrien dan asid fenolik, sifat anti oksidan yang tinggi dimiliki madu kelulut terbukti berupaya melawan sel kanker," katanya.

Malah, kajian oleh MARDI menunjukkan madu kelulut mengandungi pelbagai jenis asid fenolik yang berguna untuk kesihatan tubuh manusia.

"Sebagai contoh, asid p-coumaric mengandungi bahan antioksidan yang tinggi dan dipersempai mampu mengurangkan risiko kanser perut dengan mengurangkan pembentukan bahan nitrosamine.

"Asid *fenilpropionik* iaitu sebuah bahan utama madu kelulut juga dikatakan mampu mengurangkan enzim *cyclooxygenase-2* (COX-2) yang menyebabkan pembentukan radang semasa perkembangan kanser usus besar," katanya.

Tambahnya, bahan-bahan tersebut juga berkesan dalam menurunkan tahap kolesterol dalam plasma darah, hati serta berupaya mengurangkan triglicerida dalam darah.

"Selain Asia Tenggara, madu kelulut turut menjadi diet harian penduduk Australia dan Afrika. Lazimnya, ia dimakan secara terus atau dicampur bersama air dan dijadikan minuman harian.

"Madu kelulut dianggap makanan hebat atau *superfood* selepas kajian saintifik membuktikan ia mempunyai pelbagai khasiat seperti menurunkan kadar kolesterol dalam darah dan boleh mengurangkan risiko kanser," katanya.



Rangka piawaian pastikan madu kelulut capai tahap antarabangsa

SERDANG - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) kini sedang merangka piawaian khusus bagi memastikan madu kelulut mencapai tahap standard pengkomersialan yang ditetapkan badan antarabangsa.

Timbalan Pengarah Mardi, Dr Ahmad Safuan Bujang berkata, langkah itu penting bagi mengesan produk tiruan di pasaran sekali gus meningkatkan penghasilannya sehingga 240 kilogram dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Meskipun terdapat Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985, maklumat mengenai khasiat madu kelulut sangat kurang kerana akta ini lebih menjurus kepada madu lebah biasa.

"Justeru, hasil kajian akan digunakan untuk menetapkan piawaian madu kelulut negara, sekali gus boleh mengatasi kepincangan dalam industri ketika ini," katanya.

Menurutnya, piawaian yang akan dikeluarkan dalam masa terdekat itu turut mendapat bantuan kepakaran dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Institut Genome Malaysia, Jabatan Standard Malaysia, Sirim, Jabatan Pertanian dan Kementerian Kesihatan.



Orang ramai mengunjungi ruang pameran ladang kelulut di dalam dewan utama expo MAHA 2016 di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS).

Menerusi standard itu, kandungan madu kelulut seperti jumlah air akan ditetapkan pada kadar tertentu bagi menghasilkan produk bermutu tinggi.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Program Perekahan Makanan, Pusat Penyelidikan Sains Teknologi Makanan Mardi, Dr Suri Roowi berkata, madu kelulut kini mendapat permintaan sangat tinggi.

Ini kerana katanya, madu dihasilkan serangga tidak bersengat itu dikenal pasti mempunyai nilai kesihatan yang tinggi.

Menurutnya, selain kaya dengan nutrien dan asid fenolik, sifat anti oksidan yang tinggi dimiliki madu kelulut terbukti berupaya melawan sel kanser. Malah, kajian Mardi menunjukkan madu kelulut mengandungi pelbagai jenis asid fenolik yang berguna untuk kesihatan tubuh manusia.

Madu kelulut dianggap makanan hebat atau *superfood* selepas kajian saintifik membuktikan ia mempunyai pelbagai khasiat seperti menurunkan kadar kolesterol dalam darah dan boleh mengurangkan risiko kanser.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 34
TARIKH: 7 DISEMBER 2016 (RABU)**

Jaket lampu signal sambungan Bluetooth

AKTIVITI berbasikal yang melibatkan jarak dekat atau jauh semakin diminati ramai, terutamanya dalam kalangan belia dan generasi muda.

Begitupun, tidak dapat dinafikan, kegiatan rekreasi itu mempunyai risiko tersendiri kerana tidak banyak kawasan yang mempunyai laluan khas untuk penunggang basikal.

Sehubungan itu, tujuh pelajar dari Kolej Mara Kulim, Kedah mencipta Signal S-Jacket iaitu jaket keselamatan yang mempunyai sistem lampu isyarat.

Ketua kumpulan, Nur Afiqah Aimi Ibrahim, 19, berkata, jaket itu dilengkapi lampu diod pemancar cahaya (LED) bagi memudahkan pemakai dilihat dalam situasi gelap atau ketika hujan.

"Lampu pada jaket itu dikawal oleh suis tanpa wayar menggunakan Bluetooth yang dihubungkan pada pemegang basikal."

"Justeru itu, penunggang basikal boleh memberi amaran awal kepada pengguna jalan raya lain jika mereka berhasrat menukar arah kayuhan sama ada ke kiri atau ke kanan.

"Ia juga boleh digunakan penunggang motosikal sebagai alternatif untuk meningkatkan kawalan keselamatan diri di jalan raya," katanya kepada *Kosmo!* pada pameran Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2016 di NU Sentral, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurutnya, prototaip jaket itu mengambil masa selama enam bulan untuk disiapkan dengan isyarat lampu LED tersebut boleh dilihat pada jarak sejauh 500 meter.

Signal S-Jacket yang tersenarai dalam 10 finalist AIN 2016 bagi kategori Akar Umbi pernah menggondol pingat emas pada Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2016 dan Pameran Inovasi, Reka Cipta Kejuruteraan Antarabangsa (I-ENVEX) 2016.

NUR AFIQAH (dua dari kanan) bersama rakan-rakan sepasukannya menunjukkan anugerah yang dimenangi pada pameran Anugerah Inovasi Negara 2016 di NU Sentral, Kuala Lumpur baru-baru ini.



CAHAYA isyarat yang dikeluarkan Signal S-Jacket dapat dilihat pada jarak sejauh 500 meter.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 50
TARIKH: 7 DISEMBER 2016 (RABU)

Sasar 400 syarikat PKS sertai GHDP

Kuala Lumpur: Serunai Commerce Sdn Bhd menyasarkan sekurang-kurangnya 400 syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini yang akan menyertai Global Halal Data Pool (GHDP) menjelang Februari 2017.

Pengasas GHDP, Amnah Shaari berkata, GHDP adalah platform e-dagang bagi memberi peluang kepada pembekal dan peniaga produk halal di negara ini mengembangkan perniagaan mereka ke peringkat global.

Katanya, GHDP mendapat kerjasama daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Perbadanan Pembangunan In-

dustri Halal (HDC).

"GHDP adalah inisiatif yang akan meningkatkan industri halal negara kerana ia berfungsi sebagai pusat maklumat mengenai produk atau perkhidmatan yang boleh diakses seluruh dunia kerana GHDP turut mempunyai jaringan ke lebih 34 data global halal yang merangkumi lebih 142 pasaran antarabangsa.

"GHDP juga menjadi platform untuk membantu pengeluar, pembekal, peruncit dan pembeli ke pasaran global," katanya pada sidang media di majlis usaha sama antara MYDIN dan GHDP di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd (MYDIN), Datuk Wira Dr Ameer Ali Mydin berkata, pihaknya

MYDIN komited untuk menyertai GHDP dan mengakses maklumat yang ada dalam mengembangkan lagi produk halal di pasar raya kami di seluruh negara.

"Buat masa ini, terdapat lebih kurang 300 pembekal produk halal di MYDIN dan kami tidak menghalang mereka untuk mengembangkan perniagaan ke peringkat lain, malah menggalakkan mereka untuk menyertai GHDP," katanya.

Beliau berkata, dengan menjadi sebahagian GHDP, MYDIN tidak menyasarkan peningkatan jualan, namun bersedia bekerjasama dengan pembekal halal untuk mengedarkan lebih banyak produk supaya pihaknya dapat menawarkan harga yang lebih berpatutan kepada orang ramai.



AMNAH

menyokong pelaksanaan GHDP dan akan membantu menggalakkan pembekalnya untuk meneroka pasaran halal global.

"Sejajar dengan visi syarikat untuk menjadi pengegar utama dunia bagi produk dan perkhidmatan halal,

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 40
TARIKH: 7 DISEMBER 2016 (RABU)

Hantar representasi kes dadah dalam cecair perisa vape

Shah Alam: Seorang bekas guru dan bekas tentera yang berdepan dengan kes dadah di dalam cecair perisa rokok elektronik atau vape bakal menghantar representasi kepada Jabatan Peguam Negara berhubung pendakwaan dikenakan terhadap mereka.

Azhariza Zakaria, 40, dan Zaki Mohd Ali, 35, masing-masing diwakili peguam mereka, Ahmad Shamil Azad Abdul Hamid serta Mohd Hazrin Alif Wahab memaklumkan perkara itu kepada Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam Wong Teck Meng selepas menerima dokumen daripada pihak pendakwaan.

Sebelum itu, pendakwaan yang dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Fairuz Johari memaklumkan berdasarkan analisa laporan kimia dari **Jabatan Kimia Malaysia** mendapati ada 150 mililiter (ml) dadah jenis Delta 9-Tetrahydrocannabinol di dalam empat botol kaca.



ZAKI (dua dari kiri) dan Azhariza (dua dari kanan) diiringi anggota polis di Mahkamah Tinggi Shah Alam atas pertuduhan mengedar bahan disyaki dadah.

Mahkamah menetapkan 26 Januari depan sebagai tarikh keputusan representasi selepas membenarkan permohonan tarikh baru oleh peguam bela.

Dalam pada itu, Ahmad Shamil ketika ditemui di luar mahkamah berkata, pihaknya akan mengemukakan representasi kerana Akta Dadah Berbahaya (ADB)

1957 tidak menyatakan berat minimum meskipun dadah jenis Delta 9-Tetrahydrocannabinol tersenarai di bawah Jadual Pertama.

"Ini adalah kes pertama di negara ini membabitkan cecair Delta 9-Tetrahydrocannabinol," katanya.

Pada 18 Disember tahun lalu, Azhariza, Zaki dan Norihan Ali, 37, didakwa di

Mahkamah Majistret Ampang atas pertuduhan mengedar ganja seberat 2,060 gram di sebuah rumah No 1, Tingkat 18, Blok N, Seri Maya Condo, Jalan Jelatek 2, Ampang, jam 9.30 malam pada 7 Disember 2015.

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 39B ADB yang memperuntukkan hukuman mati mandatori.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 DISEMBER 2016 (RABU)



Dua Tertuduh Kes Dadah Dalam Cecair Vape Hantar Representasi

SHAH ALAM, 6 Dis (Bernama) -- Dua bekas penjawat awam akan menghantar representasi kepada pihak pendakwaan bagi mengkaji semula tuduhan menggunakan cecair vape berperisa dadah yang dihadapi mereka di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Bekas guru Azhariza Zakaria, 40, dan Zaki Mohd Ali, 35, memaklumkan perkara itu kepada hakim Wong Teck Meng melalui peguam masing-masing ketika sebutan semula kes itu di Mahkamah Tinggi, di sini hari ini.

Azhariza diwakili peguam Ahmad Shamil Azad Abdul Hamid manakala Zaki oleh Mohd Hazrin Alif Wahab.

Wong kemudian menetapkan 26 Jan depan sebagai tarikh pengurusan kes yang baharu sementara menunggu keputusan representasi berkenaan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Fairuz Johari memberitahu mahkamah bahawa laporan kimia oleh **Jabatan Kimia** mengesahkan bahawa dadah dalam kes itu adalah 155 mililiter (ml) delta-9-tetrahydrocannabinol.

Pada 18 Dis tahun lepas, Azhariza, Zaki dan seorang wanita, Shazlina Azlin Mat Daud, 37, dihadapkan ke Mahkamah Majistret Ampang atas tuduhan mengedar kanabis seberat 2,060 gram di No. 01, Tingkat 18, Blok N, Seri Maya Condo, Jalan Jelatek 2, Ampang dekat sini, kira-kira 9.30 malam pada 7 Dis, tahun lepas.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 39B (2) Akta sama yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Ahmad Shamil Azad, ketika ditemui pemberita di luar mahkamah, berkata pihaknya akan mengemukakan respresentasi berikutnya Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak menyatakan berat minimum bagi dadah jenis delta-9-tetrahydrocannabinol meskipun ia tersenarai di bawah Jadual Pertama Akta berkenaan.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 DISEMBER 2016 (RABU)



Gempa Bumi Kuat Landa Laut Banda, Indonesia

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.1 pada skala Richter melanda Laut Banda, Indonesia pada 9.13 pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini memaklumkan pusat gempa itu terletak 323 kilometer barat laut Kupang, Indonesia dan 1,371 km dari Sarikei, Sarawak.

Gempa bumi itu bagaimanapun tidak mencetuskan ancaman tsunami, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 DISEMBER 2016 (RABU)



Gempa Bumi Kuat Landa Utara Sumatera



KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Satu gempa bumi kuat berukuran 6.4 pada skala Richter melanda utara Sumatera, Indonesia pada 6.03 pagi Rabu.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi, pusat gempa terletak 77km timur laut Banda Aceh, Indonesia dan 440km barat daya Langkawi, Kedah.

Bagaimanapun tiada ancaman tsunami dilaporkan.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 7 DISEMBER 2016 (RABU)



5,000 Dekoder IPTV Yang Tidak Patuhi Piawaian, Dirampas SKMM

JOHOR BAHRU, 6 Dis (Bernama) -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) merampas 5,000 dekoder televisyen protokol internet (IPTV) yang tidak mematuhi piawaian **SIRIM** dalam tiga serbuan di sini hari ini.

Ketua Pegawai Keselamatan Rangkaian dan Penguatkuasaan SKMM, Zulkarnain Mohd Yasin berkata nilai rampasan dalam ketiga-tiga serbuan itu dianggarkan RM1 juta.

Katanya, mana-mana penjualan dekoder yang tidak mematuhi Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 adalah perlu dihalang kerana ia merupakan kesalahan cetak rompak digital.

Menurutnya, serbuan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu dijalankan pada pukul 10 pagi di sebuah pasar raya di Masai, disusuli di sebuah rumah di Kulai dan sebuah gudang penyimpanan di Taman Perindustrian Plentong, Pasir Gudang.

"Laporan mengenai kejadian diterima daripada MYTV Broadcasting Sdn Bhd (MYTV) yang menyatakan terdapat dekoder IPTV tidak standard dijual di pasaran.

"Bertindak atas maklumat itu, kita menjalankan serbuan dan merampas 5,000 dekoder.

"Lima individu yang terdiri daripada empat lelaki dan seorang wanita akan dipanggil bagi membantu siasatan berhubung rampasan ini," katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam, di sini hari ini.

MYTV adalah syarikat yang dipertanggungjawabkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk menyediakan infrastruktur bagi peralihan siaran TV analog ke digital, atau singkatannya Digital Terrestrial TV (DTT).

Zulkarnain berkata pihaknya akan terus bekerjasama dengan PDRM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bagi membendung perkara itu daripada berleluasa.

Menurutnya, pengguna juga perlu berhati-hati agar tidak mudah ditipu dengan

penjualan dekoder itu.

"Dekoder ini perlu mendapatkan kelulusan SIRIM kerana perakuan daripada SIRIM memberi jaminan peralatan itu boleh digunakan dan dijamin dari segi keselamatan dan kualiti," katanya.

Menurut Zulkarnain lagi, sekiranya mana-mana individu didapati memiliki peranti berkenaan, mereka boleh dikenakan tindakan mengikut Peraturan 16(1)(b) Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000.

Ia memperuntukan hukuman denda tidak lebih RM100,000 atau dipenjara tidak lebih enam bulan, atau kedua-duanya.

--BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
THE STAR (VIEWS) : MUKA SURAT 37
TARIKH: 7 DISEMBER 2016 (RABU)**

Let the youth design our future

BUDGET 2017 which was unveiled on Oct 21 introduced a new element to chart the nation's future. Branded as TN50, the idea was well received and considered timely.

Many agree that we need a new vision for the country as the magic year 2020 fast approaches. TN50, which stands for Transformation National 2050, is to continue the nation's planning for the future after Vision 2020. It is a platform which has been created to drive national discourses about the future of the country.

And who better to engage and anchor such an initiative than the nation's youths? This is the reason why the initiative is parked under the Youth and Sports Ministry. What better way to manage the future than to design the future that we desire?

Kudos to the Government for this important and strategic initiative. It is all about sustainable development. How can we prepare and sustain the nation's wellbeing and progress as we approach 2050?

By then, we should aim to remain a competitive and developed nation, even exceeding the targets articulated under Vision 2020. Admittedly, the world is under all kinds of threats and challenges.

Take climate change as an example. Though there are still sceptics around, including the new US president-elect, the data staring at us cannot lie.

Many are convinced that global warming and its related consequences are mankind's biggest threat. We as a nation are equally vulnerable to the changing climate.

Agriculture may be seriously impacted and the threats posed by extreme weather conditions to the population cannot be denied. How we deal with climate change should, I believe, become a key



agenda of TN50.

At the Academy of Sciences Malaysia, we have started a similar futuristic platform for science. The idea was the brainchild of one of the Academy's presidents, Tan Sri Dr Yusof Basiron.

We branded the programme "MegaScience 2050". Essentially, what we did was to start with a projection of what would happen to the nation's many key industries by 2050.

Can they be sustained? What would it take to sustain them?

What would happen to the palm oil industry and the electronics sector, and many other industries which now support the nation's economy?

The industries that have already been evaluated using the MegaScience framework included construction, car, plastics, tourism and transport, just to name a few.

The projection has been guided by the scenarios that many foresight studies have forecasted. Evidently, there are many groups in the world which regularly con-

duct foresight studies. We only need to pick the relevant ones for the sectors we are looking at.

Unlike TN50, which would eventually recommend actions needed to sustain the nation's development as a whole, studies under MegaScience 2050 are meant to propose action plans on the nation's development in science to support the growth of the many key industries in Malaysia.

Phase one of MegaScience looked at five sectors namely water, energy, health, agriculture and biodiversity (WEHAB). It is now widely acknowledged that science and technology are two key success factors of the future.

Admittedly, TN50 would be incomplete if discourses among the youths do not address science education and R&D. At the moment, the nation is still struggling to resolve many science-related issues.

Of course, TN50 is larger than just science. The discussions would have to include how the nation would deal with urbanisation,

rural-urban migration, environmental degradation, urban poverty, wealth distribution, social integration and a host of other issues related to the wellbeing of the nation as a whole.

Take the case of rubber and oil palm smallholders. How would they cope with a future dominated by e-commerce, for example? In the fishing sector, how would fishermen survive with the growing depletion of fish resources arising from climate change, overfishing and encroachment by foreign fishing vessels?

It may be worthwhile to look at what the Academy has done on the MegaScience 2050 project. There may be some lessons that TN50 can learn and improvise. To be truly effective, TN50 should be made a permanent think-tank for the nation's youths.

PROF DATUK DR AHMAD IBRAHIM
Fellow, Academy of Sciences
Malaysia
UCSI University